AMILOZIDE TABLET

Amiloride Hydrochloride/ Hydrochlorothiazide (5mg/50mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan AMILOZIDE
2. Bagaimana AMILOZIDE berfungsi
3. Sebelum menggunakan AMILOZIDE
4. Cara menggunakan AMILOZIDE
5. Semasa menggunakan AMILOZIDE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan AMILOZIDE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan AMILOZIDE

AMILOZIDE digunakan untuk merawat:

- Tekanan darah tinggi (juga boleh digunakan secara kombinasi dengan ubat lain).
- Pembengkakan akibat daripada lebihan cecair dalam badan yang disebabkan oleh masalah jantung.
- Lebihan cecair dalam rongga abdomen yang berkaitan dengan masalah hati.

Bagaimana AMILOZIDE berfungsi

AMILOZIDE mempunyai dua bahan aktif iatiu *amiloride hydrochloride* dan *hydrochlorothiazide*. Kombinasi ubat *amiloride/hydrochlorothiazide* membantu mengurangkan lebihan cecair dalam badan dengan meningkatkan penghasilan urin disamping meminimumkan kehilangan kalium. Ini membantu menurunkan tekanan darah dan pembengkakan.

Sebelum menggunakan AMILOZIDE

<u>*- Bila tidak boleh menggunakan*</u>

Jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai/sedang:

- Alahan terhadap *amiloride, hydrochlorothiazide,* sulfonamide atau mana-mana ubat sulfur atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Kandungan kalium yang tinggi dalam darah atau sedang mengambil ubat/suplemen yang boleh meningkatkan kandungan kalium.
- Kandungan kalsium yang tinggi dalam darah
- Masalah buah pinggang atau hati yang serius.
- Masalah saraf yang berkaitan dengan penyakit kencing manis.
- Penyakit *Addison* (gangguan kelenjar adrenal).
- Mengambil *spironolactone* atau *triamterene* (ubat untuk lebihan cecair dalam badan).
- Mengambil *lithium* (ubat untuk merawat masalah mental tertentu).

Keselamatan penggunaan *amiloride hydrochloride* di kalangan kanak-kanak bawah 18 tahun tidak diketahui.

Dapatkan nasihat doktor jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, atau mungkin mengandung sebelum menggunakan sebarang ubat.

AMILOZIDE tidak disyorkan untuk diambil oleh ibu mengandung kerana ubat ini boleh melintasi plasenta dan penggunaan ubat ini selepas bulan ketiga kehamilan boleh membahayakan bayi anda.

AMILOZIDE tidak disyorkan untuk diambil oleh ibu menyusu kerana kehilangan cecair boleh menghalang penghasilan susu badan. Bincang dengan doktor anda cara terbaik untuk memberi anak anda susu.

<u>*- Sebelum menggunakan AMILOZIDE*</u>

Maklumkan doktor jika anda mempunyai/ mengalami:

- Masalah hati atau buah pinggang.
- Masalah jantung atau paru-paru.
- Kolesterol tinggi.
- Gout.
- Kencing manis dan mengambil ubat untuk diabetes, termasuk insulin.
- Masalah asma yang teruk.
- Gangguan imun seperti *systemic lupus erythematosus.*
- Gangguan genetik intoleransi glukosa.
- Sejarah kanser kulit atau anda mempunyai luka kulit yang tidak dijangka semasa menerima rawatan. Rawatan dengan *hydrochlorothiazide,* terutamanya dengan dos tinggi dalam suatu tempoh yang lama akan meningkatkan risiko anda mendapat sesetengah jenis kanser kulit atau kanser bibir (*non-melanoma skin cancer*). Lindungi kulit anda dari terdedah kepada matahari atau sinaran UV ketika mengambil AMILOZIDE.
- Masalah pernafasan atau paru-paru (termasuk keradangan atau cecair di dalam paru-paru) selepas pengambilan *hydrochlorothiazide* pada masa lalu. Jika anda mengalami sesak nafas yang teruk atau kesukaran bernafas selepas mengambil AMILOZIDE, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

<u>*- Jika mengambil ubat-ubat lain*</u>

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan AMILOZIDE boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Ubat digunakan untuk merawat kanser buah pinggang seperti *aldesleukin.*
- Ubat anti-radang bukan steroid (NSAIDS) atau ubat tahan sakit yang digunakan untuk mengurangkan demam, sakit atau keradangan.
- Ubat untuk mengurangkan kadar kolesterol dalam badan seperti *cholestyramine, colestipol.*
- Ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung tidak normal seperti *quinidine.*
- *Trimethoprim* (ubat untuk merawat jangkitan bakteria).
- Ubat untuk merawat depresi (seperti *reboxetine, barbiturates, tricyclic antidepressants* dan *monoamine oxidase inhibitors (MAOIs)).*
- Ubat antidiabetes, termasuk insulin.
- Ubat antiepileptik seperti *carbamazepine.*
- *Amphotericin* dan *fluconazole*, yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat.
- *Allopurinol,* digunakan untuk merawat penyakit gout.
- *Astemizole* dan *terfenadine* (ubat untuk merawat alahan).
- Ubat untuk merawat tekanan darah tinggi seperti *prazosin, hydralazine.* AMILOZIDE harus diberhentikan selama 2-3 hari sebelum memulakan rawatan dengan sesetengah ubat antihipertensi.
- Ubat untuk merawat malaria, seperti *halofantrine.*
- *Pimozide, sertindole, phenothiazines, lithium,* ubat untuk merawat masalah mental.
- Suplemen atau ubat-ubatan yang mengandungi kalsium, vitamin D dan kalium.
- Nitrat dan *cardiac glycoside,* ubat yang digunakan untuk kegagalan jantung.
- Kortikosteroid, ubat anti-radang seperti *cortisone* dan *hydrocortisone.*

AMILOZIDE TABLET

Amiloride Hydrochloride/ Hydrochlorothiazide (5mg/50mg)

- Ubat diuretik seperti *spironolactone, triamterene* atau *acetazolamide.*
- *Amantadine, levodopa*, ubat untuk merawat penyakit Parkison.
- Ubat hormon atau ubat yang bertindak ke atas hormon seperti *trilostane, toremifene,* estrogen.
- *Ciclosporin* dan *tacrolimus*, ubat untuk mencegah penolakan selepas pemindahan organ.
- *Tizanidine* dan *tubocurarine*, ubat untuk mengendurkan otot semasa kecederaan atau pembedahan.
- Alkohol dan ubat yang mengandungi alkohol.
- *Alprostadil*, ubat untuk merawat mati pucuk.
- *Carbenoloxone,* ubat untuk merawat ulser.

Ubat lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga berinteraksi dengan AMILOZIDE. Ahli farmasi dan doktor anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan.

Cara menggunakan AMILOZIDE
Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Berapa banyak harus digunakan
Doktor anda akan menentukan dos yang perlu diambil berdasarkan diagnosis dan respons anda.

Dos permulaan mungkin akan dikekalkan atau diselaraskan sehingga kondisi anda terkawal tetapi tidak melebihi 4 tablet sehari.

Warga emas dan orang yang mengalami masalah buah pinggang:
Doktor anda akan menyelaraskan dos mengikut kondisi anda.

- Bila perlu digunakan
Jika anda mengambil sekali sehari, ambil ubat pada waktu pagi.

Jika anda mengambil beberapa kali sehari, ambil dos terakhir anda pada waktu petang, kecuali doktor anda mengarahkan sebaliknya.

AMILOZIDE boleh meningkatkan jumlah dan kekerapan air kencing anda. Dengan mengambil dos terakhir anda pada waktu petang, risiko tidur anda terganggu pada waktu malam adalah lebih rendah.

Ambil tablet AMILOZIDE pada masa yang sama setiap hari kecuali doktor anda mengarahkan sebaliknya. Ia membantu anda mengingati waktu pengambilan ubat anda.

- Berapa lama perlu digunakan
Ambil ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan
Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Bawa karton ubat ini atau mana-mana tablet yang tinggal bersama anda.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan boleh menyebabkan dehidrasi (kehilangan cecair yang terlalu banyak daripada badan), tekanan darah rendah dan elektrolit tidak seimbang.

Semasa menggunakan AMILOZIDE
- Perkara yang perlu dilakukan
Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan AMILOZIDE.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ambil AMILOZIDE hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan AMILOZIDE kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
- *Hydrochlorothiazide* adalah ubat yang mengandungi sulfur (sejenis ubat sulfonamide*).* Oleh itu, jika anda alah kepada ubat sulfur, contohnya sesetengah ubat antibiotik, anda mungkin juga alah kepada AMILOZIDE.
- Sekiranya anda akan menjalani pembedahan, maklumkan kepada pakar bedah atau pakar bius anda bahawa anda sedang mengambil AMILOZIDE. Ia boleh mengganggu kesan ubat lain yang digunakan semasa pembedahan.
- Sekiranya anda akan menjalani ujian darah atau mengambil gambar sinar-X, maklumkan kepada doktor anda bahawa anda sedang mengambil AMILOZIDE. Ianya mungkin akan mengganggu keputusan bagi sesetengah ujian.

Memandu dan menggunakan jentera
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa pening, letih, sakit kepala, mengalami masalah penglihatan, atau menjadi tidak responsif dan merasa diri, persekitaran atau kedua-duanya kelihatan berputar, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan
Seperti ubat-ubatan lain, AMILOZIDE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Maklumkan doktor anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan yang berikut:
- Tindakbalas alahan yang sangat teruk seperti kesukaran bernafas, pening, bengkak pada kulit atau ruam.
- Selera makan berubah.

AMILOZIDE TABLET

Amiloride Hydrochloride/ Hydrochlorothiazide (5mg/50mg)

- Kadar kalium meningkat, kadar natrium berkurangan.
- Sukar untuk tidur, rasa gementar.
- Sakit kepala, pening, mengantuk, pengsan, kesemutan atau rasa dicucuk.
- Masalah penglihatan.
- Merasa diri, persekitaran atau kedua-duanya kelihatan berputar.
- Degupan jantung tidak teratur, sakit dada, sekat jantung.
- Loya, muntah, cirit-birit, sembelit, sakit di bahagian abdomen, pendarahan gastrousus, perut kembung atau bergas.
- Ruam, gatal-gatal, berpeluh secara berlebihan.
- Sakit kaki, otot kejang, sakit sendi atau sakit belakang.
- Hilang kawalan terhadap pundi kencing, masalah buah pinggang.
- Bilangan sel darah rendah, radang di dinding saluran darah.
- Batuk.
- Keguguran rambut.
- Jangkitan di kelenjar air liur.
- Keradangan paru-paru atau cecair berlebihan dalam paru-paru.
- Radang pankreas.

Kekerapan sangat jarang berlaku:
- Gangguan pernafasan akut (tanda-tandanya termasuk sesak nafas yang teruk, demam, lemah dan kekeliruan).

Kekerapan 'tidak diketahui':
- *Chloroidal effusion:* pembentukan cecair yang tidak normal dalam mata yang boleh mengakibat penglihatan terjejas.
- *Acute myopia:* Rabun dekat secara tiba-tiba atau penglihatan kabur
- *Acute angle-closure glaucoma*: peningkatan tekanan yang cepat di mata, sakit mata. Jika tidak dirawat ini akan menyebabkan kehilangan penglihatan kekal.
- Kanser kulit dan kanser bibir *(non-melanoma skin cancer)*.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda rasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan mungkin berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan AMILOZIDE

- Penyimpanan

Simpan ubat tablet anda di dalam pek asal. Jangan simpan di tempat melebihi suhu 30ºC. Simpan di tempat kering, jauh daripada haba dan cahaya dan juga daripada kelembapan yang berlebihan. Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak sepatutnya dibuang seperti biasa. Tanya doktor atau ahli farmasi untuk mengetahui cara pelupusan yang sepatutnya.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

AMILOZIDE Tablet adalah tablet dwicembung rombus yang berwarna jingga.

- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan-bahan aktif
    Setiap tablet mempunyai 5 mg *Amiloride hydrochloride* dan 50 mg *Hydrochlorothiazide.*

  - Bahan-bahan tidak aktif
    Lactose monohydrate, corn starch, pregelatinize starch, sodium starch glycolate, talc, magnesium stearate, polysorbate 80, sunset yellow (bahan pewarna).

- *Nombor MAL*

MAL09072804AZ

Pengilang

T.O. Chemicals (1979) Ltd.
280 Soi Sabaijai, Suthisarnwinijai Road,
Samsennok, Huay-Kwang,
Bangkok 10310, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

27/08/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250825/1530